

# 22 wanita pesalah syariaah kena sebat

**Johor Bahru:** Seramai 22 wanita antara 39 pesalah syariaah dihukum enam sebatan bagi kesalahan sumbang mahram dan persetubuhan luar nikah di negeri ini sejak dua bulan lalu.

Dua lagi wanita yang dikenakan hukuman sama, mendapat penangguhan pelaksanaan kerana masing-masing sedang mengandung dan baru bersalin.

Mereka adalah kumpulan pesalah syariaah pertama di Johor dikenakan hukuman itu yang dilakukan secara tertutup di Penjara Kluang.

Bagaimanapun, Jabatan Agama Johor (JAJ) kini mengkaji cadangan untuk melaksanakan hukuman itu di khalayak ramai atau masjid, bagi tujuan memberi kesedaran serta keinsafan kepada pesalah serta umat Islam lain.

## Hukuman sebatan

Walaupun hukuman sebatan itu diperuntukkan mengikut Enakmen Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah bagi semua negeri namun hanya dua bulan lalu Johor melaksanakan hukuman itu.

BH 13/6/13 MSH

# Syor sebat di khalayak

Dari muka 1

Semua pesalah lelaki dan wanita itu masing-masing menjalani enam kali sebatan iaitu hukuman maksimum mengikut peruntukan enakmen syariah Johor.

Seorang lelaki dan wanita menjadi individu pertama menjalani hukuman itu di Penjara Kluang pada 4 April lalu bagi kesalahan sumbang mahram mengikut Seksyen 20.

Pada 28 April lalu, sembilan lelaki dan 14 wanita menjalani hukuman sama, diikuti tujuh lelaki dan sembilan wanita pada 17 Mei lalu bagi kesalahan melakukan persetubuhan luar nikah iaitu kesalahan mengikut Seksyen 23.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JAJ, Mohd Zamri Kambari, berkata semua pesalah terbabit ber-

usia lingkungan 20 dan 50-an.

"Ini adalah kali pertama Johor melaksanakan hukuman sebatan bagi kesalahan syariah, berbanding sebelum ini pesalah hanya didenda RM5,000 atau penjara tiga tahun.

"Pada awal 2000 lalu, pernah ada seorang wanita dijatuhi hukuman itu tetapi selepas rayuan, sebatan itu ditukar kepada hukuman penjara.

"Semua kumpulan yang menjalani hukuman sebat sejak April lalu adalah bagi kes dan kesalahan dibicarakan dalam tempoh dua tahun," katanya kepada BH di sini, semalam.

### Sebatan beri kesedaran

Zamri berkata, sebatan itu lebih bersifat memberi kesedaran dan bukan untuk menghukum menyebabkan pihaknya menyarankan hukuman itu diperluaskan di khalayak



Mohd Zamri menunjukkan **perbezaan kaedah pelaksanaan hukuman sebat konvensional dan syariah.**

[FOTO DASAR SUARMAN/BH]

atau masjid bagi meningkatkan kesedaran orang ramai.

Katanya, berdasarkan pemerhatian, hukuman sebatan yang dilaksanakan itu berjaya memberi kesedaran dan pihaknya melihat ada riak keinsafan pada wajah setiap pesalah yang dihukum.

Mengenai jumlah pesalah wanita lebih ramai berban-

ding lelaki, Zamri berkata, ia berikutan ada kes bersama pasangan dibicarakan berasingan dan ada kes sudah diselesaikan, selain masih ada di peringkat perbicaraan.

Zamri turut menegaskan hukuman sebat bagi pesalah syariah berbeza dengan kaedah pelaksanaan sebatan bagi pesalah kes konvensional.